



**“KEUTAMAAN MENJAGA INSTITUSI KELUARGA”.1**

<p>الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَتُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَلَوْ ءَامَنَ أَهْلُ الْكِتَابِ لَكَانَ خَيْرًا لَهُمْ مِّنْهُمْ الْمُؤْمِنُونَ وَأَكْثَرُهُمُ الْفَاسِقُونَ</p>	2
<p>أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ</p>	3
<p>. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَوَالِيَّيَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَتَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.</p>	4
<p><b>Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,</b></p> <p>Marilah kita mempertingkatkan iman dan takwa ke hadrat Allah SWT, dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan larangan-Nya, mudah-mudahan Allah memberkati segala amalan kita dan memberi kejayaan di dunia dan di akhirat.</p>	5
<p>Pada hari ini khatib akan membicarakan khutbah yang bertajuk <b>“KEUTAMAAN MENJAGA INSTITUSI KELUARGA”</b>.</p> <p><b>Hadirin Jumaat sekalian,</b></p>	6
<p>Dalam institusi keluarga, ibu bapa hendaklah berperanan untuk menyeru kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran dengan tegas dan berani. Jika mereka mendapati terdapat tanda-tanda atau gejala yang membimbangkan berlaku dalam rumah tangga seperti gangguan seksual atau perbuatan curang pasangan hendaklah dicegah serta merta.</p>	7
<p>Firman Allah SWT dalam surah Ali Imran ayat 104:</p> <p>وَلْتَكُنْ مِنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ١٠٤</p>	8



<p><i>"Dan hendaklah ada di antara kamu satu puak yang menyeru (berdakwah) kepada kebajikan (mengembangkan Islam) dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik, serta melarang daripada segala yang salah (buruk dan keji) dan mereka yang bersifat demikian ialah orang-orang yang berjaya".</i></p>	9
<p>Institusi keluarga yang segar dengan amalan tegur menegur, nasihat menasihati dan mencegah kemungkaran yang berlaku akan beroleh rahmat Allah SWT. Oleh kerana itu, seorang ketua keluarga bertanggungjawab untuk meletakkan keutamaan menjaga institusi keluarga masing-masing.</p>	10
<p>Hadis daripada Abdullah bin Umar Radhiallahu Anhuma bahawa dia mendengar Rasulullah SAW bersabda:</p> <p style="text-align: center;"><b>كُلُّكُمْ رَاعٍ وَكُلُّكُمْ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ</b></p> <p><i>"Setiap kamu adalah pemimpin dan setiap kamu akan dipertanggungjawabkan tentang apa yang dipimpinnya."</i> <i>(Riwayat al-Bukhari).</i></p>	11
<p><b>Hadirin sidang jumaat yang dirahmati Allah sekalian,</b></p> <p>Isu-isu keruntuhan akhlak yang berlaku dan dilaporkan akhir-akhir ini semakin membimbangkan. Bermula dengan membiarkan kelakuan tidak bermoral, ketagihan melayari laman web lucah, akhirnya membawa ke perbuatan yang lebih hina seperti zina, sumbang mahram, dan gejala yang sering berlaku dalam rumahtangga atau disebut sebagai "Haruan Makan Anak". Apa yang berlaku seolah-olah mereka tidak mengenal batas-batas antara pahala dan dosa, halal dan haram bahkan tidak mengendahkan ancaman dan azab neraka Allah SWT di akhirat. Amat mengejutkan apabila sebuah akhbar tempatan baru-baru ini mendedahkan tindakan pihak berkuasa menahan dan mendakwa seorang bapa yang telah melakukan 105 tuduhan rogol dan liwat terhadap anak kandung sendiri. Jika begini, apa lagi harapan seorang anak terhadap bapanya? Adakah seorang bapa terlalu jahil akan tanggungjawab dan peranannya?</p>	12
<p><b>Muslimin yang dirahmati Allah SWT sekalian,</b></p> <p>Seorang bapa adalah ketua, pelindung, tempat bertaut, tempat penyubur kasih sayang dan pemimpin tangan keluarga ke syurga. Malang seribu kali malang, jika seorang bapa sanggup mengabaikan tanggungjawab menjaga anak sendiri. Malah ada yang enggan memberi nafkah dan kasih sayang yang diharapkan, bahkan terjebak dengan pujuk rayu syaitan sehingga tergamak meragut maruah anak sendiri, melacurkan isteri, merosakkan nasab, menjadikan isteri atau anak sebagai keldai dadah dan melakukan kekerasan fizikal terhadap isteri dan anak.</p>	13



Firman Allah SWT dalam surah Al-Tahrim ayat 6: <b>يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا قُوا أَنفُسَكُمْ وَأَهْلِيكُمْ نَارًا وَقُودُهَا النَّاسُ وَالْحِجَارَةُ عَلَيْهَا مَلَكَةٌ غِلَظٌ شِدَادٌ لَا يَعْصُونَ اللَّهَ مَا أَمَرَهُمْ وَيَفْعَلُونَ مَا يُؤْمَرُونَ ٦</b>	14
<i>"Wahai orang-orang yang beriman! Peliharalah diri kamu dan keluarga kamu dari neraka yang bahan-bahan bakarannya: manusia dan batu (berhala); neraka itu dijaga dan dikawal oleh malaikat-malaikat yang keras kasar (layanannya); mereka tidak menderhaka kepada Allah dalam segala yang diperintahkan-Nya kepada mereka, dan mereka pula tetap melakukan segala yang diperintahkan."</i>	15
Sesungguhnya kes-kes pengabaian tanggungjawab suami dan jenayah seksual dalam rumahtangga yang semakin berleluasa telah menzahirkan kebimbangan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor. Baginda amat berdukacita dengan kes-kes sedemikian kerana ia akan mendatangkan implikasi yang negatif serta boleh meruntuhkan institusi keluarga dan moral masyarakat. Jenayah seksual yang semakin kritikal ini menyebabkan kesengsaraan kepada mangsa yang terlibat. Sepatutnya mereka dilindungi oleh pelaku yang diamanahkan menjadi benteng yang paling kuat dan selamat bagi masa depan, perkembangan psikologi dan seksologi anak-anak. Jenayah seperti ini perlu dibenters tanpa kompromi kerana ia boleh menyebabkan suasana tidak harmoni dalam kalangan masyarakat dan mewujudkan kebimbangan serta prasangka buruk terhadap keluarga yang terlibat.	16
<b>Hadirin jemaah yang dirahmati Allah sekalian,</b>  Institusi keluarga cemerlang akan berjaya menghasilkan generasi baru muslim yang unggul. Sebaliknya, jika keadaan keluarga porak peranda, haru-biru, kacau-bilau dan tiada hala tuju, pastinya tidak akan mampu melahirkan generasi muslim yang diharapkan.	17
Firman Allah SWT dalam surah al-Syuaraa' ayat 214: <b>وَأَنْذِرْ عَشِيرَتَكَ الْأَقْرَبِينَ ٢١٤</b> <i>"Dan berilah peringatan serta amaran kepada kaum kerabatmu yang dekat."</i>	18



<p>Diriwayatkan daripada Aisyah Radhiallahu Anha bahawa Rasulullah SAW bersabda:</p> <p style="text-align: center;"><b>خَيْرُكُمْ خَيْرُكُمْ لِأَهْلِهِ وَأَنَا خَيْرُكُمْ لِأَهْلِي</b></p> <p><i>"Sebaik-baik kalian, adalah orang yang paling baik terhadap keluarganya, dan Aku adalah orang yang paling baik terhadap keluargaku."</i></p> <p style="text-align: right;"><i>(Riwayat al-Tirmizi).</i></p>	19
<p>Justeru, marilah kita menanam azam dan menguatkan tekad untuk menjadi ketua keluarga yang memberi keutamaan menjaga institusi keluarga masing-masing. Insafilah bahawa kewajipan dan tanggungjawab terhadap keluarga adalah merupakan suatu amanah Allah yang melibatkan soal dosa dan pahala. Mereka yang mencuaikan amanah tersebut akan dihukum dan disiksa dengan seksaan yang amat berat di akhirat nanti. Berdoalah agar kita dapat memimpin ahli keluarga menjadi orang yang beriman dan bertakwa kepada Allah SWT</p> <p><b>Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,</b></p>	20
<p>Mengakhiri khutbah pada hari ini, marilah kita mengambil beberapa panduan berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"><li>1. Umat Islam hendaklah meyakini bahawa institusi keluarga adalah satu amanah yang telah diperintahkan oleh Allah SWT untuk dijaga dengan sebaik-baiknya.</li><li>2. Umat Islam hendaklah menjauhi sebarang perlakuan keji yang boleh meruntuhkan institusi kekeluargaan.</li><li>3. Umat Islam hendaklah memperkasa institusi keluarga masing-masing dengan aktiviti yang bermanfaat untuk memperkukuhkan ikatan kasih sayang.</li></ol>	21
<p style="text-align: center;"><b>أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ</b></p> <p style="text-align: center;"><b>رَبَّنَا وَأَدْخِلْهُمْ جَنَّاتِ عَدْنِ الَّتِي وَعَدْتَهُمْ وَمَنْ صَلَحَ مِنْ آبَائِهِمْ وَأَزْوَاجِهِمْ وَذُرِّيَّاتِهِمْ إِنَّكَ أَنْتَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ ۝</b></p>	22
<p><i>"Wahai Tuhan kami! Dan masukkanlah mereka ke dalam Syurga "Adn" yang Engkau telah janjikan kepada mereka dan (masukkanlah bersama-sama mereka): Orang-orang yang layak di antara ibu bapa mereka dan isteri-isteri mereka, serta keturunan mereka. Sesungguhnya Engkaulah jua yang Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana."</i></p> <p style="text-align: right;"><i>(Ghafir : 8).</i></p>	23



بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.	24
أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَأَسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.	25



## KHUTBAH KEDUA

<p>1 الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.</p>	1
<p>2 اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ، وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.</p>	2
<p><b>Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT,</b> Khatib sekali lagi berpesan supaya kita sentiasa bertakwa kepada Allah SWT. Kita amatlah dituntut agar...</p>	3
<p>menampilkan kemuliaan akhlak, sikap dan keperibadian tinggi kerana Rasulullah SAW diutus untuk menyempurnakan akhlak dan sebagai rahmat bagi seluruh umat dan sekalian alam....</p>	4
<p>.... Oleh itu mari kita memperbanyakkan salawat dan salam ke atas junjungan besar nabi kita Muhammad SAW, kerana perintah Allah SWT dalam firmanNya:</p>	5
<p>6 إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.</p>	6
<p>7 اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.</p>	7
<p>8 اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ يَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ. اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكَ الْكُفْرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمُشْرِكِينَ وَدَمَّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ. وَانصُرْنَا عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ.</p>	8



<p>اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى أَنْتَحَفِظَ بِعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحَفِظِ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ سُلْطَانَ سَلَاعُورِ،</p>	9
<p>سُلْطَانَ شَرْفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عبد العزيز شاه الحاج. اَللَّهُمَّ اَدِّمِ الْعُوْنَ وَالْهَدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِيُوَلِّيَ عَهْدِ سَلَاعُورِ، تَغْكُو اَمِيرِ شَاهِ اِبْنِ اَلسُّلْطَانِ شَرْفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج</p>	10
<p>فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اَللَّهُمَّ أَطْلِعْ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمَوْظَفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.</p>	11
<p>Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkukuhkan negara umat Islam, sebagai negeri yang maju, sejahtera dan berkeadilan dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai ketua agama Islam di negeri ini.</p>	12
<p>Justeru kami pohon kehadiran-Mu ya Allah, tetapkanlah iman dan pegangan kami kepada Ahli Sunnah Wal-Jamaah, terimalah amalan soleh kami, suburkanlah jiwa kami dengan budi pekerti yang mulia, satukanlah hati-hati kami, kurniakanlah kami rezeki yang luas lagi barakah, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat,</p>	13
<p>lindungilah kami daripada bala bencana dan peliharalah kami daripada ajaran yang terkeluar daripada Islam seperti Ahmadiyah atau Qadyani dan ajaran sesat seperti Syiah dan Gerakan Militan DAESH, serta ajaran-ajaran lain yang difatwakan menyeleweng dari ajaran Islam atau bertentangan dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah.</p>	14
<p>Ya Allah bukannya hati kami untuk mendirikan solat fardhu lima waktu, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf dan menginfaqkan harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor.</p>	15



<p>رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّاتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.</p>	16
<p>عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿١٠١﴾</p>	17
<p>فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ ۗ يُعْطِيكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.</p>	18